

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MESYUARAT AGUNG KELAB KAKITANGAN KUKUM DI  
DEWAN DKG 4&5, KAMPUS KUKUM, KUBANG GAJAH PADA 19 JANUARI  
2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDIN, KETUA  
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DAN WARGA KERJA KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA, KASIH SAYANG SERTA KEIZINAN-NYA DAPAT  
KITA BERKUMPUL PADA PAGI INI DI DALAM SUASANA YANG PENUH  
KECERIAAN DAN KETENANGAN DALAM MAJLIS BERSEMPENA DENGAN  
MESYUARAT AGUNG KELAB KAKITANGAN KUKUM BAGI TAHUN 2005 INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK  
MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU KEPADA SELURUH WARGA

KERJA KUKUM. SEMOGA TAHUN BARU INI MEMBAWA SERIBU KEBERKATAN, KEGEMILANGAN DAN KEJAYAAN BUAT KITA SEMUA DALAM MENGHADAPI CABARAN, RINTANGAN SERTA DUGAAN DALAM MENITI BAIT-BAIT PERJALANAN MEMBANGUNAKAN UNIVERSITI INI.

TIDAK KETINGGALAN, SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SALAM TAKZIAH BUAT WARGA KERJA KUKUM YANG TELAH KEHILANGAN SANAK SAUDARA MAHUPUN AHLI KELUARGA DI DALAM BENCANA OMBAK BESAR TSUNAMI YANG MELANDA BEBERAPA BUAH TEMPAT DI NEGARA KITA PADA TANGGAL 26 DISEMBER 2004 YANG LALU. MARI LAH KITA BERSAMA-SAMA MENDOAKAN KESEJAHTERAAN ALLAHYARHAM DAN ALLAHYARHAMAH SEMOGA ROH-ROH MEREKA DITEMPATKAN DI KALANGAN ORANG-ORANG YANG SOLEH DAN SOLEHAH.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI-AHLI JAWATANKUASA MESYUARAT AGUNG KELAB KAKITANGAN KUKUM DI ATAS INISIATIF SERTA DEDIKASI MEREKA MENYATU IDEA, MENYEMPURNA RENCANA DAN SETERUSNYA MELANGSUNG KERJA MAJLIS KITA PADA PAGI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PENUBUHAN SESEBUAH KELAB ATAU PERSATUAN BUKAN HARUS GAH DARI SEGI NAMA MAHUPUN BERAPA RAMAI BILANGAN KEANGGOTAAN KELAB TERSEBUT. BIARPUN KECIL ATAU MASIH BARU, FUNGSI SERTA PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH SESEBUAH KELAB HARUS BENAR-BENAR BERADA PADA LANDASAN SERTA OBJEKTIF PENUBUHANNYA.

ACAPKALI, HASIL DARI PEMERHATIAN SAYA, MENDAPATI TERLALU BANYAK KELAB ATAU PERSATUAN BAIK DI PERINGKAT KAMPUNG, DAERAH, MUKIM, NEGERI HINGGALAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN SEKALIPUN, CUMA TERSOHOR DARI SEGI NAMANYA SAHAJA TETAPI IA GAGAL BERFUNGSI SEBAGAIMANA HARUS ADANYA IA.

APALAH ERTINYA PENUBUHAN SESEBUAH KELAB JIKA IA GAGAL MEMAINKAN PERANANNYA. JANGAN JADIKAN SESEBUAH KELAB ATAU PERSATUAN SEPERTI ENAU DI DALAM BELUKAR, HANYA MELEPASKAN PUCUK MASING-MASING SEDANGKAN NUN JAUH DI HADAPANNYA TERSIRAT SERIBU SATU MACAM AGENDA YANG BELUM DITEROKAI.

KEJAYAAN SESEBUAH KELAB BUKAN SAHAJA TERLETAK KEPADA DAYA KEPIMPINAN PRESIDENNYA YANG DINAMIK SERTA PENUH KARISMATIK TETAPI MEMERLUKAN SOKONGAN YANG PADU DARI KESEMUA AHLI-AHLI YANG MENGANGGOTAI KELAB TERSEBUT. SEPERTI MANA KATA YANG BIJAK BISTARI, BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH.

SELAIN DARI SOKONGAN YANG PADU, AHLI-AHLI KELAB JUGA HARUS MEMPUNYAI PERANCANGAN YANG JITU BAGI MERANCANG KEPELBAGAIAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN. APA YANG MENJADI SINONIM KELAB-KELAB YANG SEDIA ADA KEGIATAN YANG DIRANCANG AMAT CENDERUNG KEPADA 'SEASONAL ACTIVITIES' ATAU KEGIATAN BERMUSIM MENGIKUT TAKWIM ATAU KALENDAR PERAYAAN.

HARUS DIINGAT AKTIVITI 'SEASONAL' INI ADALAH 'CLICHE' IAITU HANYA MEMFOKUSKAN KEPADA SATU AGENDA YANG SAMA SAHAJA. IA CUMA DIBOLAK-BALIK OLEH PELAKU INDIVIDU ATAU KUMPULAN YANG BERBEZA SAHAJA. SEPERTI MANA KATA DIALEK ORANG UTARA, 'PI MAI PI MAI TANG TU SAJA'.

APA YANG MEMBEZAKAN KEJAYAAN SEBUAH KELAB DENGAN YANG LAIN IALAH IDEA YANG 'NOBLE' DALAM MERANCANG ATAU MENGADAKAN SUATU AKTIVITI YANG BUKAN SAHAJA BELUM ATAU TIDAK PERNAH DIADAKAN MALAH IA JUGA MAMPU MEMBERIKAN NILAI TAMBAH BAIK KEPADA KEANGGOTAAN AHLI-AHLINYA TETAPI JUGA KEPADA MASYARAKAT DI SEKELILINGNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

KELAB KAKITANGAN KUKUM YANG DIANGGOTAI OLEH SEMUA WARGA KERJA KUKUM BAGI TEMPOH SEPANJANG TAHUN 2004 TELAH MENGADAKAN PELBAGAI AKTIVITI DI PERINGKAT UNIVERSITI. IKHLAS SAYA KATAKAN SAYA AMAT TERUJA DENGAN KOMITMEN AHLI-AHLINYA DALAM MENGADAKAN PELBAGAI AKTIVITI WALAUPUN KADANG-KADANG TERBATAS DEK HAMBATAN MASA DAN BEBANAN KERJA.

SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA PRESIDEN KELAB DAN PIMPINAN-PIMPINAN YANG LAIN KERANA TELAH MENJALANKAN AMANAH SERTA TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN.

SAYA DIFAHAMKAN BAGI TEMPOH SEPANJANG TAHUN LALU, KELAB KAKITANGAN KUKUM TELAH MENGADAKAN LEBIH KURANG 12 AKTIVITI SEPERTI MENGANJURKAN KEJOHANAN BOLING PERSEORANGAN KUKUM, KENDURI KESYUKURAN KUKUM, KEJOHANAN TENPIN BOLING PIALA CANSELOR, MAJLIS SEKALUNG BUDI, PELANCARAN HARI PATRIOTIK DAN RAKAN PEDAMPING SISWA, PROGRAM SENAMROBIK BERSAMA TUANKU CANSELOR, KARNIVAL BOLATAMPAR PANTAI, MAJLIS AIDILFITRI BERSAMA KUKUM, SUMBANGAN DODOL SEMPENA HARI RAYA AIDIL

FITRI, SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN, SUMBANGAN KEPADA STAF YANG BERKAHWIN DAN MENDAPAT CAHAYAMATA, PERLAWANAN BADMINTON PERSAHABATAN ANTARA KUKUM DENGAN USM DAN UiTM PULAU PINANG DAN YANG TERBARU BANTUAN KEPADA MANGSA-MANGSA OMBAK BESAR TSUNAMI.

SAYA BERHARAP BAGI TAHUN 2005 INI, KELAB KAKITANGAN KUKUM AKAN TERUS MENJALANKAN PELBAGAI AKTIVITI YANG LEBIH MANTAP SERTA MEMBERIKAN KEBAIKAN KEPADA SEMUA PIHAK TERMASUK KEPADA MASYARAKAT DI NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN INI. FIKIR-PIKIR SERTA TIMBANG-TIMBANGKAN LAH AKTIVITI YANG BISA MENJANA KEBAIKAN BERSAMA.

SAYA JUGA BERHARAP KEPADA PRESIDEN BARU KELAB KAKITANGAN KUKUM YANG AKAN DILANTIK NANTI AKAN DAPAT MENERUSKAN MOMENTUM KECEMERLANGAN KELAB KAKITANGAN KUKUM SEPERTI MANA DI DALAM TAHUN-TAHUN TERDAHULU. TIDAK KIRA SIAPA YANG AKAN DILANTIK KELAK, SETIAP AHLI KELAB KAKITANGAN KUKUM HARUS MEMBERIKAN SOKONGAN YANG PADU DAN BERSAMA-SAMA BERIKHTIAR, BERUSAHA DAN BEKERJA SEDAYA UPAYA DEMI KEJAYAAN KELAB KAKITANGAN.

SAYA MAHU SETIAP AHLI KELAB KAKITANGAN KUKUM MEMAINKAN PERANAN YANG PROAKTIF DAN DINAMIK DENGAN SEMANGAT PENUH TOLERANSI, SALING HORMAT-MENGHORMATI BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN. JANGAN BIARKAN BUDAYA PARASIT MERESAP MASUK DI DALAM KELAB KAKITANGAN KUKUM. JIKA PARASIT INI MEREBAK DAN TIDAK DITANGANI DENGAN SEGERA, IA AKAN MENJADI DURI DALAM DAGING ATAU GUNTING DALAM LIPATAN DAN LAMBAT LAUN KELAB KAKITANGAN KUKUM AKAN BERKUBUR BEGITU SAHAJA BAGAI ANGIN LALU.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA PAGI INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM KERANA TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS KITA PADA PAGI INI. SEKALUNG TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA BARISAN PIMPINAN BARU KELAB KAKITANGAN KUKUM YANG AKAN DILANTIK KELAK.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KELAB KAKITANGAN KUKUM BAGI TAHUN 2005 INI. SAYA SUDAH DENGAN, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.